

## 22 tahun mengabdikan diri untuk negara

# Kami 'kehilangan' ayah

UM 31/10/2003 - 6 PRECISE

Oleh AZNAN BAKAR

**"B**OLEH tak daddy bersara? Saya tidak mahu dia bersara dalam keadaan lemah dan sakit," begitulah bunyi surat yang ditulis oleh Datuk Mokhzani Mahathir dari England

kepada ibunya Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali pada tahun 80-an, yang berharap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya bersara dari politik.

Pertanyaan itu menggambarkan sejak dari awal lagi anak-anak beliau sudah mendesak supaya Dr. Mahathir melepaskan jawatan sebagai pemimpin negara.

Sebab itu, apabila beliau mengumumkan persaraannya pada Perhimpunan Agung UMNO tahun lalu, mereka melahirkan rasa syukur kerana akhirnya bapa yang disayangi memilih untuk berhat dan menghabiskan masa bersama keluarga.

Bagi mereka, 22 tahun mengabdikan diri kepada negara selaku Perdana Menteri sudah cukup untuk Dr. Mahathir kerana boleh dikatakan segala idea dan hasrat beliau telah terlaksana.

Bagi anak-anaknya pula selama 22 tahun jugalah mereka 'kehilangan' seorang ayah kerana beliau milik rakyat dan negara.

Mokhzani berkata, beliau bersyukur kerana bapanya itu tetap dengan keputusan untuk bersara dan bersyukur apabila tidak ada pihak yang terus mendesak Dr. Mahathir terus memimpin negara dan UMNO.

Malah Mokhzani secara peribadi pernah meminta beberapa pihak yang mahu menyuarakan hasrat supaya Dr. Mahathir terus menerajui negara termasuk melalui usul pada Perhimpunan Agung UMNO yang lalu, tidak berbuat demikian.

"Alhamdulillah, semuanya telah selesai dan itu cara terbaik untuk ayahanda saya berundur," katanya.

Pada Mokhzani, rakyat tidak perlu bimbang dengan pengunduran bapanya itu kerana negara dan parti berada dalam keadaan terbaik.

Malah Dr. Mahathir dilihat telah mencurahkan segala-galanya kepada negara sehingga menjadikan Malaysia dihormati di persada dunia.

Katanya, apa yang perlu ialah menghormati keputusan Dr. Mahathir untuk bersara dan menerima Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengganti.

Bagi Mokhzani, persaraan bapanya itu tidak akan mengubah cara mereka menguruskan kehidupan, cuma tumpuan yang diberikan oleh orang ramai tentu akan berkurangan.

Pada masa itu, katanya, orang akan tahu siapa sebenar keluarga mereka sama ada ia benar seperti yang didakwa atau sebaliknya.

"Saya yakin *spotlight* yang dihalakan kepada kami akan malap.

"Selepas ini orang akan tahu bahawa apa yang kami dapat selama ini tidak seperti yang digambarkan," katanya.

Beliau juga yakin tidak ada perubahan besar akan berlaku di kalangan beliau dan adik beradiknya kerana mereka akan meneruskan hidup yang mereka nikmati sekarang.

Lagi pula, katanya, apa yang mereka nikmati itu adalah hasil usaha sendiri dan tidak ada kena mengena dengan kedudukan bapa mereka sebagai Perdana Menteri.

Walaupun pelbagai tohmahan dilemparkan kononnya mereka mendapat pelbagai kemudahan dan peluang kerana anak Perdana Menteri, Mokhzani berkata, itu semua tidak benar.

Katanya, mereka adik beradik telah diberikan pendidikan mencukupi untuk berdiri di atas kaki sendiri tanpa menumpang tuah bapa sebagai Perdana Menteri.

Beliau sendiri, kata Mokhzani, adalah seorang jurutera dari segi kerjaya dan pernah berjemur

panas ketika bertugas di pelantar-pelantar minyak dengan Shell.

Dari situ, katanya, beliau menimba pengalaman bagi mencari peluang yang lebih dalam hidup termasuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan.

Sebab itu, mereka adik beradik langsung tidak terkilan apabila Dr. Mahathir mengumumkan untuk bersara kerana ia merupakan saat yang ditunggu-tunggu.

Malah pengumuman itu disambut dengan rasa syukur kerana lepas ini mereka akan kembali 'bersatu' sebagai sebuah keluarga yang besar.

Sekarang ini, Dr. Mahathir sukar untuk memberikan tumpuan 100 peratus terhadap aktiviti keluarga kerana komitmennya kepada negara.

Mokhzani memberitahu, ketika Dr. Mahathir mengambil alih tampuk pemerintahan negara, beliau masih belajar di luar negara.

Seisi keluarga, katanya, yakin beliau boleh mejayakan matlamatnya kerana telah mendapat platform dan kuasa untuk merealisasikan cita-cita dan idea beliau.

"Tetapi sama ada beliau berjaya atau tidak, terpujanglah bagaimana masyarakat melihatnya," kata beliau.

Sebagai anak kata Mokhzani, beliau mempunyai banyak pengalaman bersama dengan Dr. Mahathir yang tidak dapat dilupakan.

Tetapi yang paling tidak dapat dilupakan kata beliau, ialah bagaimana bapanya itu diberikan sambutan yang begitu menakjubkan ketika perasmian Sukan Komanwel 1998.

Lagi pula, katanya, ketika itu keadaan politik negara agak bergolak dan Dr. Mahathir pula berarak mengelilingi stadium dengan menaiki jip terbuka.

"Ini kerana pada saat itulah, orang kata beliau dibenci, tidak popular dan sebagainya ekoran isu-isu politik dan ekonomi semasa," kata beliau.

Tapi itu semua telah berlalu dan seisi keluarga kini gembira kerana bapa yang disayangi akhirnya 'kembali' ke pangkuan mereka.



DR. MAHATHIR bersama anaknya, Mokhzani dan cucunya.